

SULIT

3767/1  
Ekonomi  
Kertas 1  
Nov/Dis 2022  
1 ¼ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN

---

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5  
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2022

---

**EKONOMI**

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
  4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan.*
  5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
  6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*
  7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

- 1 Ilmu ekonomi mengkaji bagaimana manusia
  - A mengurangkan jurang perbezaan pendapatan
  - B menggunakan wang bagi meningkatkan perbelanjaan masa depan
  - C mengoptimumkan keluaran dengan meningkatkan produktiviti kerja
  - D mengimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada
  
- 2 Apakah yang membezakan sistem ekonomi kapitalis dengan sistem ekonomi campuran?
  - A Masyarakat dapat menikmati pelbagai barang
  - B Harga barang ditentukan oleh mekanisma harga
  - C Subsidi dapat mengurangkan kos pengeluaran firma
  - D Firma bebas bersaing untuk menghasilkan barang berkualiti
  
- 3 Gambar berikut berkaitan dengan sejenis faktor pengeluaran.



Pernyataan yang manakah menerangkan faktor tersebut?

- A Mempunyai mobiliti geografi
  - B Sumber yang tidak boleh diperbaharui
  - C Kegunaannya tidak boleh dipelbagaikan
  - D Nilainya semakin meningkat dalam jangka panjang
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan Skim Perbankan Islam.

Bank sebagai pengusaha akan melaburkan wang pelabur ke dalam pelaburan halal. Keuntungan yang diperolehi akan di bahagi mengikut nisbah yang dipersetujui. Pelabur akan menanggung semua kerugian jika projek tersebut gagal.

Prinsip yang digunakan ialah

- A Takjiri
  - B Wadiah
  - C Mudharabah
  - D Bai Bithaman Ajil
- 5 Apakah kelebihan overdraf?
    - A Sebagai modal pusingan
    - B Boleh mengeluarkan wang tanpa had
    - C Faedah tidak dikenakan ke atas wang yang digunakan
    - D Kemudahan ditawarkan kepada pendeposit akaun tetap

6 Pernyataan yang manakah membezakan bank pusat dengan bank perdagangan?

	Bank Pusat	Bank Perdagangan
A	Menguruskan akaun kewangan dan pinjaman kerajaan	Menawarkan akaun simpanan, semasa dan tetap
B	Menerima deposit daripada orang ramai	Menerima deposit daripada firma
C	Memberi kemudahan pinjaman kepada firma	Memberi kemudahan pinjaman kepada masyarakat
D	Penasihat kewangan kepada syarikat korporat	Penasihat kewangan kepada agensi kerajaan

7 Barang berikut menunjukkan salah satu fungsi wang.



Fungsi wang tersebut adalah sebagai alat

- A ukuran nilai
- B simpanan nilai
- C bayaran tertunda
- D perantaraan pertukaran

8 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pelaburan.

Safiyah terlibat dalam urus niaga FOREX.

Pernyataan yang manakah betul?

- I Risiko tinggi
  - II Kecairan rendah
  - III Mendapat pulangan dividen
  - IV Menerima keuntungan modal
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

9 Keanjalan harga penawaran Barang X ialah 2.0. Kenaikan harga sebanyak 40% akan menyebabkan kuantiti ditawarkan

- A berkurang sebanyak 20%
- B bertambah sebanyak 40%
- C bertambah sebanyak 80%
- D berkurang sebanyak 120%


- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan pendapatan dan potongan wajib Puan Salmah.

Butiran	RM
Pendapatan tahunan	48 000
Bayaran zakat	300
Potongan cukai berjadual	600
Caruman KWSP	11%

Kira perbelanjaan penggunaan Puan Salmah jika tabungannya ialah RM4 600?

- A RM37 220  
 B RM37 520  
 C RM41 820  
 D RM43 400
- 11 Rajah berikut menunjukkan pergerakan titik W ke Y..


Harga (RM)



Apakah yang menyebabkan pergerakan tersebut?

- A Harga meningkat  
 B Harga pengganti meningkat  
 C Harga faktor pengeluaran menurun  
 D Harga dijangka turun pada masa hadapan
- 12 Antara berikut, faktor yang manakah mempengaruhi keanjalan permintaan telefon pintar?
- I Ketersediaan stok  
 II Ketahanan barang  
 III Faktor masa jangka pendek  
 IV Nisbah perbelanjaan dengan pendapatan
- A I dan II  
 B II dan IV  
 C I dan III  
 D III dan IV
- 13 Antara berikut, yang manakah menerangkan eksternaliti?
- A Kos tambahan kepada pengeluar  
 B Faedah luaran kepada pihak pengguna  
 C Kesan luaran akibat kegagalan sistem harga  
 D Kos luaran yang dimasukkan dalam harga barang


- 14 Rajah berikut menunjukkan keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



Antara berikut, yang manakah menerangkan keadaan pasaran pada harga  $P_1$ ?

- I Keseimbangan pasaran
  - II Harga cenderung menurun
  - III Berlaku lebih penawaran
  - IV Permintaan melebihi penawaran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 15 Rajah berikut berkaitan dengan keluk penawaran tiga firma dan keluk penawaran pasaran.



Berapakah kuantiti  $X$ ?

- A 55
- B 90
- C 110
- D 200

- 16 Jadual berikut menunjukkan keluaran dan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)
0	800
100	1 500
200	1 900
300	2 200
400	2 600

Berapakah kos tetap pada keluaran ke-300 unit?

- A RM700  
 B RM800  
 C RM1 400  
 D RM2 200
- 17 Firma dapat meningkatkan permintaan dalam jangka pendek dengan menambah  
 I bahan mentah  
 II bilangan buruh  
 III cawangan kilang baharu  
 IV mesin pengeluaran baharu  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 18 Antara berikut, yang manakah faedah luaran perkongsian kereta?  
 I Menjimatkan masa perjalanan  
 II Menjimatkan minyak kenderaan  
 III Mengurangkan pencemaran udara  
 IV Mengurangkan kesesakan lalu lintas  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 19 Keupayaan bank perdagangan mencipta kredit akan terjejas apabila  
 I nisbah rizab tunai diturunkan  
 II nisbah rizab berkanun dinaikkan  
 III kadar OPR bank perdagangan diturunkan  
 IV bank pusat menjual surat jaminan kerajaan  
 A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV

- 20 Bagaimanakah kerajaan dapat mencapai objektif guna tenaga penuh?
- I Menaikkan gaji minimum
  - II Menggunakan intensif modal
  - III Transformasi digital dalam ekonomi
  - IV Meningkatkan mobiliti kelayakan dan kemahiran
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 21 Antara berikut, objektif makroekonomi yang manakah ingin dicapai oleh kerajaan?
- I Pertumbuhan ekonomi mampan
  - II Meningkatkan produktiviti buruh
  - III Meningkatkan aliran wang keluar
  - IV Kestabilan Indeks Harga Pengguna
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 22 Maklumat berikut berkaitan dasar kerajaan untuk mengawal kestabilan harga dalam pasaran.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Dasar harga maksimum</li> <li>• Dasar harga minimum</li> <li>• Kuota</li> </ul> |
|--|

Antara berikut, yang manakah kesan pelaksanaan dasar tersebut?

- I Mengelakkan penipuan sukatan dan timbangan
  - II Meningkatkan kebajikan pengguna dan pengeluar
  - III Mengatasi masalah kekurangan barang dalam pasaran
  - IV Label pembungkusan menepati kandungan sebenar makanan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 23 Pernyataan yang manakah betul tentang kesan inflasi?
- A Pendapatan benar naik
  - B Taraf hidup meningkat
  - C Kadar faedah meningkat
  - D Pengangguran semakin naik
- 24 Bayaran yang manakah berkaitan dengan hasil cukai kerajaan?
- A Levi
  - B Lesen dan permit
  - C Royalti petroleum
  - D Sewa aset kerajaan

- 25 Belanjawan kurangan dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengatasi
- A inflasi tolakan kos
  - B pengangguran kitaran
  - C pengangguran geseran
  - D inflasi tarikan permintaan
- 26 Pernyataan yang manakah membezakan cukai langsung dengan cukai tak langsung?

	Cukai langsung	Cukai tak langsung
A	Dikenakan ke atas pendapatan individu dan firma	Dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan
B	Beban cukai boleh dipindahkan kepada orang lain	Beban cukai tidak boleh dipindahkan kepada orang lain
C	Dikenakan setiap kali urus niaga berlaku	Dikenakan setahunsekali
D	Kadar cukai regresif dikenakan ke atas keuntungan syarikat	Kadar cukai tidak dipengaruhi oleh pendapatan

- 27 Kerajaan memberi subsidi kepada pengeluar minyak masak untuk
- A melindungi industri tempatan
  - B menjamin permintaan berterusan
  - C menurunkan kos pengeluaran pengeluar
  - D menurunkan kuantiti minyak masak di pasaran
- 28 Faktor yang manakah mendorong firma beroperasi di pasaran antarabangsa?
- I Menambah pasaran baharu
  - II Menambah peluang pekerjaan
  - III Mengurangkan kos pengangkutan
  - IV Mengurangkan risiko kerugian syarikat
- A I dan IV
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV
- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sekatan perdagangan antarabangsa.

Menetapkan had maksimum bagi suatu barang diimport
--

Apakah tujuan sekatan tersebut?

- A Menambahkan hasil pendapatan negara
  - B Mengurangkan penawaran barang import
  - C Menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat
  - D Membolehkan firma tempatan bersaing dengan firma asing
- 30 Situasi yang manakah menyebabkan defisit imbalan perkhidmatan?
- A Peningkatan pelancong Malaysia ke luar negara
  - B Pembayaran dividen kepada pelabur asing meningkat
  - C Pemberian bantuan kepada mangsa tsunami di Indonesia
  - D Penambahan pembelian kelengkapan pengangkutan dari luar negara

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan langsung asing di Malaysia.

Malaysia berjaya menarik pelaburan asing berjumlah lebih RM220 bilion pada tahun 2021.

Ubahsuai sumber: Harian Metro 12 Julai 2022

Apakah kesannya terhadap ekonomi negara?

- I Pembayaran upah yang lebih tinggi di firma tempatan
  - II Peningkatan aliran untung dan dividen ke dalam negara
  - III Pemilikan ekuiti asing dalam firma tempatan meningkat
  - IV Penambahan modal meningkatkan keupayaan pengeluaran
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

- 32 Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga antara Malaysia dengan rakan dagang.

Syarikat Teguh menyewa kapal dagang dari Jepun untuk menjual minyak kelapa sawit ke negara China.

Antara berikut, pasangan yang manakah betul?

	Akaun	Catatan
I	Akaun dagang	Kredit
II	Akaun semasa	Debit
III	Akaun perkhidmatan	Debit
IV	Akaun pendapatan sekunder	Kredit

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 33 Antara berikut, tindakan yang manakah betul untuk mengurangkan defisit akaun semasa?

- I Mengurangkan tarif barangan import
  - II Meningkatkan industri berorientasikan eksport
  - III Mengurangkan bayaran levi kepada buruh asing
  - IV Meningkatkan kualiti dan kemahiran tenaga buruh
- A I dan II
  - B II dan IV
  - C I dan III
  - D III dan IV

- 34 Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Tahun	Mata Wang (1 unit)	(RM)
1 Ogos 2022	USD	4.45
1 Ogos 2021	USD	4.22

Sumber: MBSB Bank. 05 Ogos 2022

Pernyataan yang manakah betul tentang kesan perubahan kadar pertukaran asing tersebut?

- A Nilai eksport Malaysia bertambah
  - B Permintaan Dolar Amerika meningkat
  - C Harga barang import menjadi lebih murah
  - D Wujud lebih penawaran Ringgit Malaysia
- 35 Situasi yang manakah akan meningkatkan permintaan Ringgit Malaysia (RM)?
- I MARA menambah bilangan pelajar tajaannya ke luar negara
  - II Bank Negara Malaysia menaikkan kadar faedah dalam negara
  - III Jam tangan pintar dari Korea semakin digemari oleh pengguna
  - IV Nilai Ringgit Malaysia dijangka meningkat pada masa hadapan
- A I dan IV
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV
- 36 Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD) dan Dolar Singapura (SD).

$$\text{USD } 1 = \text{RM}4.48$$

$$\text{SD } 1 = \text{RM}3.22$$

Anas membeli barang berharga USD150.00 secara dalam talian. Berapakah nilai barang tersebut dalam SD?

- A SD208.70
- B SD336.00
- C SD483.00
- D SD672.00

Soalan 37 hingga 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37 I Pengeluar akan menaikkan harga barang tidak anjal bagi meningkatkan jumlah hasil firma  
 II Bagi barang tidak anjal harga permintaan, beban cukai ditanggung pengeluar adalah lebih besar daripada beban cukai ditanggung pengguna
- 38 I Semakin tinggi guna tenaga semakin rendah kadar pengangguran  
 II Pengangguran menunjukkan berlakunya lebihan penawaran buruh dalam pasaran
- 39 I Sekatan perdagangan antarabangsa dapat mengelakkan lambakan barang import  
 II Lambakan barang import boleh diatasi dengan melonggarkan sekatan bukan ekonomi
- 40 I Pertukaran asing ialah nilai satu unit mata wang sesebuah negara dalam sebutan mata wang negara lain.  
 II Kadar pertukaran asing diperlukan oleh sesebuah negara untuk menstabilkan nilai mata wang